



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
Department Of Veterinary Services
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH DAN PENGHARGAAN KEPADA JURUSUNTIK PERMANIAN BERADAS SERTA PENTERNAK DAN PELANCARAN AIMS

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)

31 OGOS 2026

DEWAN G2G, MAEPS, SERDANG, SELANGOR

SERDANG, 31 Ogos 2026 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) terus memperkukuh agenda transformasi sektor penternakan negara menerusi pendigitalan pengurusan Peranian Beradas (Artificial Insemination – AI) dengan pelancaran Artificial Insemination Management System (AIMS) bersempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026.

Majlis Penyampaian Anugerah dan Penghargaan kepada Jurusuntik Peranian Beradas serta Penternak dan Pelancaran AIMS yang berlangsung di Pentas Garden Hall, Laman Veterinar, MAEPS Serdang hari ini dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, serta barisan pengurusan tertinggi DVS.

Pelaksanaan AIMS (*Artificial Insemination Management System*) merupakan satu langkah strategik DVS dalam memperkemas pengurusan data AI secara bersepadu dan masa nyata. Sistem ini merangkumi pengurusan inventori straw semen baka, rekod prosedur peranian, pemeriksaan kebuntingan serta pendaftaran kelahiran ternakan.

Pendigitalan berkenaan turut memperkukuh aspek kebolehjejukan (*traceability*) profil genetik ternakan, sekali gus membantu mengurangkan risiko pembiakan sedarah (*inbreeding*), meningkatkan keberkesanan program pembiakbakaan dan menyokong peningkatan kadar kejayaan pembiakan ternakan.

AIMS boleh dimuat turun secara percuma melalui Apple App Store dan Google Play Store, sekali gus membolehkan pengurusan maklumat berkaitan AI dilaksanakan dengan lebih sistematik, tepat dan efisien di lapangan.

Dalam masa yang sama, DVS turut memberikan pengiktirafan kepada jurusuntik dan penternak yang telah menunjukkan prestasi serta komitmen tinggi dalam pelaksanaan perkhidmatan AI sepanjang tahun 2024 hingga 2026.

Antara pengiktirafan yang disampaikan ialah Anugerah Tangan Emas Juruteknik Permanian Beradas (AI) DVS Tahun 2024-2025, Anugerah Tangan Emas Jurusuntik Permanian Beradas (AI) Persendirian Tahun 2024-2025, serta Anugerah Pencapaian Tertinggi bagi ternakan yang menerima perkhidmatan AI, kelahiran anak hasil AI dan ternakan bunting hasil AI.

Turut diperkenalkan ialah Anugerah Transformasi Digital AIMS Tahun 2026 dan Anugerah Perdana Aplikasi Teknologi Pembiakan (ART) Tahun 2026 sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian serta usaha memperkasakan penggunaan teknologi dalam industri pembiakan ternakan.

Penyampaian penghargaan ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam menghargai peranan jurusuntik dan penternak sebagai barisan hadapan yang memastikan teknologi pembiakan dapat diterjemahkan kepada peningkatan produktiviti dan prestasi sebenar di peringkat ladang.

Program permanian beradas merupakan antara pendekatan penting dalam usaha meningkatkan kualiti genetik ternakan negara. Pembangunan baka berkualiti tinggi berupaya menyumbang kepada peningkatan produktiviti, pengukuhan sekuriti makanan dan pengurangan kebergantungan kepada sumber ternakan dari luar negara.

Seiring dengan sasaran KPKM untuk memperkukuh perkhidmatan pembiakan ternakan menjelang 2030, komitmen dan dedikasi jurusuntik serta penternak di lapangan amat penting bagi memastikan agenda transformasi sektor penternakan dapat dilaksanakan secara berkesan dan berterusan.

Penggunaan AIMS juga dijangka dapat memperkukuh tadbir urus dan integriti data industri penternakan. Ketersediaan data lapangan yang tepat, lengkap dan boleh dipercayai akan membantu Kerajaan membuat perancangan dasar, intervensi serta pelaburan yang lebih bersasar dan berimpak tinggi untuk pembangunan industri penternakan negara.

DVS yakin gabungan kepakaran manusia, teknologi digital dan pengurusan data yang sistematik akan menjadi pemangkin kepada pembangunan industri penternakan yang lebih moden, produktif, berdaya saing dan mampan, selaras dengan aspirasi KPKM dalam memperkukuh keterjaminan makanan negara.

Untuk pertanyaan media:

*Dr. Wan Aini binti Wan Mahamood
Dr. Norhana binti Mohamed Nadzir
Urusetia Program MAHA 2026 / Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Telefon: 011-65566544 / 011-10167210
E-mel: wanaini@dvs.gov.my / norhananadzir@dvs.gov.my*

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
31 OGOS 2026**





